

Newspaper	UTUSAN MALAYSIA
Date	22 SEPTEMBER 2016

## Dr. M perlu mohon maaf kepada keluarga Haron Din

UM - 22/9/2016

**KUALA LUMPUR 21 Sept.** - Pas Kelantan mahu Tun Dr. Mahathir Mohamad segera memohon maaf kepada keluarga Mursyidul Am Pas, Datuk Dr. Haron Din kerana bekas Perdana Menteri itu didakwa pernah menghina dan menyindir Allahyarham.

Ahli Jawatankuasa Pas Bahagian Kota, Mat Razali Deraman berkata, tindakan itu perlu bagi memelihara akhlak seorang bekas pemimpin negara yang dinilai oleh segenap lapisan masyarakat.

Mat Razali yang juga Setiausaha Persatuan Peniaga Kawasan Kota berkata, sekiranya permohonan maaf itu tidak dilakukan segera, pihaknya akan membuat laporan polis bagi mengecam sikap ego dan sombong bekas Perdana Menteri itu.

“Dr. Mahathir banyak melakukan kesilapan kepada arwah, sedangkan arwah tidak pernah mengeluarkan kenyataan yang

menyakiti hati beliau.

“Kalau Dr. Mahathir tidak membuat permohonan maaf, kami Pas Kelantan akan mengutuk sikap ego beliau dan bertindak selanjutnya iaitu membuat laporan polis,” katanya ketika dihubungi hari ini.

Baru-baru ini, Ahli Parlimen Jelutong, Jeff Ooi dikecam dan didesak supaya memohon maaf oleh pelbagai pihak termasuk parti-parti politik dan pertubuhan bukan kerajaan (NGO) kerana mengeluarkan kenyataan mempersenda dan menghina kematian Mursyidul Am Pas itu menerusi aplikasi Twitter miliknya.

Semalam, Jeff Ooi ditahan hampir empat jam sebelum dibebaskan dengan jaminan polis bagi membantu siasatan berhubung kenyataannya itu.

Jeff Ooi disiasat di bawah Seksyen 298A Kanun Keseksaan dan Seksyen 233 Akta Komunikasi dan Multimedia 1998.